

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Muamalat Pajak Gadai Islam anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU MUAMALAT PAJAK GADAI ISLAM

Muamalat Pajak Gadai Islam ialah fasiliti pajak gadai Islam. Pelanggan yang layak boleh memohon kemudahan pembiayaan daripada pihak Bank dengan jumlah yang telah dipersetujui bersama dengan mencagarkan sejumlah emas atau barang kemas (kategori emas) yang dipersetujui kepada pihak Bank. Di bawah produk ini, pelanggan adalah pemilik emas yang sah dan bersetuju untuk menggadai emas miliknya (emas yang diikrarkan oleh pihak Bank) sebagai cagaran untuk membolehkan pembiayaan sejumlah wang diterima daripada pihak Bank.

Produk ini distrukturkan berasaskan konsep Syariah iaitu Tawarruq dan Rahn. Di bawah susunan Tawarruq, beberapa kontrak Syariah digunakan, iaitu Murabahah (kontrak jual beli dengan pendedahan kos dan keuntungan), Wakalah (kontrak agensi), dan Wa'd Mulzim (janji yang mengikat). Berdasarkan permohonan anda, pihak Bank akan membeli komoditi patuh Syariah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan menjualnya kepada anda pada harga jualan secara tertanggung yang merangkumi keuntungan. Seterusnya, pihak Bank akan bertindak sebagai ejen anda untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai, dan hasil jualan itu akan menjadi amaun pembiayaan anda. Anda juga boleh memilih untuk mengambil sendiri komoditi tersebut dengan menanggung segala kos yang berkaitan sebelum ia dijual kepada pihak ketiga; namun, dalam keadaan ini, amaun pembiayaan tidak akan dibayar kepada anda.

Konsep Rahn pula merujuk kepada kontrak gadaian atau cagaran, di mana anda (sebagai *rahn*) menggadaikan emas anda sebagai cagaran (*marhun*) kepada pihak Bank (sebagai *murtahin*) bagi menjamin obligasi pembiayaan anda (*marhun bih*). Emas yang digadaikan kekal sebagai milik anda, manakala pihak Bank berhak menahan atau melupuskan cagaran tersebut mengikut prinsip Syariah sekiranya berlaku kegagalan bayaran bagi menyelesaikan baki tertunggak.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Contoh pengiraan kadar keuntungan:

Nilai aset untuk digadai	:	RM 10,000.00
Tempoh pembiayaan	:	18 bulan
Amaun Pembiayaan (80%)	:	RM 8,000.00
Kadar keuntungan untuk 18 bulan		
$RM\ 8,000.00 \times 11.25\% \text{ p.a.} \times 18/12$	:	RM 1,350.00
Kadar Keuntungan untuk setiap 1 bulan		
$RM\ 1,350.00 / 18$	:	RM 75.00

Fi dan Caj

Fi dan Caj	Jumlah (RM)
Pengeluaran semula Kontrak Pembiayaan Pajak Gadai Islam (KPPGI) yang baru	RM5.40*
Fi Tender (Jika berkenaan)	RM5.40*
Takaful ke atas Emas (Marhun)	Ditanggung oleh pihak Bank
Takaful Individu (Kemalangan Diri Berkelompok beserta Wakaf)	Ditanggung oleh pihak Bank
Caj Keuntungan	Keuntungan dikira atas baki harian dan akan dicaj mengikut setiap tarikh pembayaran sehingga tarikh matang
Syarat Tambahan (Ar-Rahnu Prestige)	Pelanggan dikehendaki membayar jumlah keuntungan bagi kitaran pertama (1) seperti dinyatakan dalam Kontrak Pembiayaan Pajak Gadai Islam (KPPGI) secara pendahuluan semasa dana dikeluarkan.

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan fi dan caj.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Bayar keuntungan seperti mengikut jadual, dan selesaikan semua baki tertunggak sebelum tarikh matang bagi mengelakkan lelongan emas yang digadai



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar keuntungan pembiayaan atau menyelesaikan bayaran penuh Emas Gadaian anda.

Perkara	Keterangan
Margin Pembiayaan	Sehingga 80% daripada nilai barang emas semasa (nilai marhun).
Jumlah Pembiayaan	Minimum : RM250 bagi setiap Akaun Pembiayaan Ar-Rahnu Maksimum : a) RM500,000 untuk Barangan Emas (Bukan ME-i) b) RM500,000 untuk ME-i (Fizikal dan Akaun) c) Ar-Rahnu Prestige - RM1,000,000.00 gabungan untuk ME-i dan Bukan ME-i dan hanya untuk pelanggan sedia ada yang terpilih sahaja.
Kadar Keuntungan	11.25% setahun (kadar tetap)
Tempoh Pembiayaan	Sehingga 18 bulan

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Kekerapan Keuntungan	Bayaran	Kadar keuntungan perlu dibayar sebelum atau pada setiap Tarikh Pembayaran yang dinyatakan di dalam Jadual Pembayaran Kontrak Pembiayaan Pajak Gadai Islam (Muamalat Pajak Gadai Islam) sebagai syarat bagi melayakkan tempoh pembiayaan sehingga ke Tarikh Matang Tarikh akhir bayaran adalah pada hari pertama (1haribulan) setiap bulan bagi setiap kitaran pembayaran.
----------------------	---------	---

Nota Penting:

- Pihak Bank berhak untuk melelong barang kemas atau emas anda sekiranya anda tidak membayar pembiayaan, kadar keuntungan atau mana-mana fi yang berkaitan dalam jangka masa yang telah dipersetujui.
- Pihak Bank berhak untuk mendakwa pemilik barang kemas sekiranya barangan tersebut adalah palsu.
- Pihak pelanggan adalah bertanggungjawab untuk membayar zakat ke atas emas yang disimpan di Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar zakat ke atas emas tersebut bagi pihak pelanggan.

Pakej Ar-Rahnu Prestige

Pakej ini menggabungkan had pembiayaan bagi ME-i dan Bukan ME-i sehingga RM1,000,000 untuk pelanggan terpilih.

Kelayakan: -

- Pelanggan sedia ada, dengan sekurang-kurangnya enam (6) bulan rekod pembiayaan Ar-Rahnu.
- Mempunyai rekod bayaran yang baik (tiada rekod lelongan).
- Tiada rekod negatif dalam CCRIS atau CTOS
- Tidak terbuka kepada pelanggan baru.

Nota: Pelanggan perlu membayar kadar keuntungan selama enam (6) bulan secara pendahuluan semasa pembiayaan disalurkan.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Anda akan menerima rebat (ibra') ke atas keuntungan tertanggung mengikut prinsip Syariah.
- Rebat tersebut Adalah muktamad dan mengikat.
- Pihak Bank akan mengira rebat berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah bayaran yang telah dibuat.
- Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Hak untuk tolak-selesai: Pihak Bank berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun pihak Pelanggan dengan Bank, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.
- Sekiranya anda gagal membuat bayaran tepat pada masanya, pihak Bank boleh melelong emas yang dicagar atau menjual emas dalam akaun ME-i anda.
- Notis Tender akan dikeluarkan 7 hari selepas tarikh matang atau tarikh bayaran keuntungan.
- Anda akan bertanggungjawab ke atas sebarang kekurangan sekiranya hasil jualan tidak mencukupi untuk menampung jumlah pembiayaan yang tertunggak.
- Pihak Bank juga berhak mengambil tindakan sekiranya berlaku kegagalan pembayaran, anda diisytiharkan muflis.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Sila memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- Emas yang dicagarkan dilindungi oleh Takaful yang dibayar oleh pihak Bank.
- Perlindungan Takaful Kemalangan Peribadi Berkumpulan disediakan. (Sila rujuk terma dan syarat di laman web rasmi untuk maklumat lanjut.)
- Anda juga digalakkan untuk memilih untuk mendapatkan perlindungan Takaful tambahan ke atas jumlah pembiayaan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Muamalat Pajak Gadai Islam, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
**Muamalat Pajak Gadai Islam /
Muamalat Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu
PRESTIGE)**



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **1 Januari 2026**